

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG**  
**KAWASAN : KEPONG**

**SOALAN NO. 228**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan peruntukan untuk tahun 2020 dan 2021 bagi tujuan penyelenggaraan Kuala Lumpur Middle Ring Road 2 (Jalan Lingkaran Tengah 2) termasuk lampu jalan dan penurapan jalan khususnya di kawasan jalan antara Sungai Buluh dan Batu Caves.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan yang dimaksudkan adalah jajaran **di antara seksyen 0.00 (Manjalara) hingga seksyen 10.00 (Batu Caves)** di Jalan Lingkaran Tengah II (MRR2) FT28. Jumlah panjang Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di Daerah Gombak yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang 25.90 km.

**Pada tahun 2020 Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sejumlah RM532 ribu setahun bagi penyenggaraan rutin, peruntukan berjumlah RM13.05 juta bagi penyenggaraan berkala dan penyenggaraan lampu jalan bagi Jalan Lingkaran Tengah II (MRR2) FT28 Daerah Gombak.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhomat juga, bagi **tahun 2021** Kementerian Kerja Raya telah merancang sebanyak **6 bilangan kerja berkala pavemen bernilai RM 3.85 juta dan 7 bilangan kerja berkala bukan pavemen bernilai RM1.8 juta serta 2 bilangan kerja penyenggaraan lampu jalan bernilai RM800 ribu**. Pelaksanaan bagi kerja – kerja yang telah dirancang ini **tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan** dan juga senarai keutamaan kerja penyenggaraan yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia berdasarkan tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan jalan persekutuan di bawah seliaan kementerian ini.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia komited dalam memastikan tahap keadaan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih.